



جابتن كحاكيمان شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 5 (51)
Takwim : 25 Rabi'ul Akhir 1441H
Tarikh : 23 Disember 2019

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 10 TAHUN 2019

GARIS PANDUAN PAKAIAN HAKIM SYARIE, PENDAKWA SYARIE, PEGUAM SYARIE, PEGAWAI DAN PETUGAS DALAM DEWAN MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 2 hingga 3 Rabiul' Awwal 1441H bersamaan 30 hingga 31 Oktober 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung garis panduan pakaian Hakim Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pegawai dan Petugas dalam dewan mahkamah syariah seperti di lampiran.

2. Arahan Amalan No. 3 Tahun 2005: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie Dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Syariah Dan Mahkamah Tinggi Syariah, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2005: Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie Dan Peguam Syarie Dalam Mahkamah Rendah Syariah, Arahan Amalan No. 5 Tahun 2005: Garis Panduan Hakim Syarie Dalam Mahkamah Rayuan Dan Mahkamah Tinggi Syariah, Arahan Amalan No. 4 Tahun 2012: Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie Dalam Mahkamah Rendah Syariah, Arahan Amalan No. 1 Tahun 2013: Perluasan Warna Tudung Bagi Peguam Syarie/Pendakwa Syarie/Pegawai Mahkamah Wanita Di Semua Peringkat Dewan Mahkamah dan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2018: Jubah Khas Pendakwa Syarie/Peguam Syarie Dan Larangan Pendakwa

Syarie/Peguan Syarie Memakai Jubah Mahkamah Sivil Atau Apa-apa Jubah Lain adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.



(DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**Garis Panduan Pakaian Hakim Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah Dan
Mahkamah Rendah Syariah**

- Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), bersongkok hitam, berbaju melayu hitam dan bersampin hitam atau berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja), berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung hitam, berstokin dan berkasut hitam bertutup.

**Garis Panduan Pakaian Pegawai Dan Petugas Mahkamah
Dalam Dewan Perbicaraan Mahkamah Syariah.**

Garis panduan pakaian Pegawai dan petugas Mahkamah termasuklah Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Penyelidik Panel Rayuan/Hakim Bicara, Pembantu Hakim, Jurutulis, Jurubahasa dan Urusetia Sidang Mahkamah Rayuan Syariah yang bertugas ketika prosiding di Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah iaitu:—

Lelaki: Bersongkok hitam, berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.

Perempuan: Berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

2. Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di Mahkamah Syariah.

**Garis Panduan Pakaian Pendakwa Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah**

- Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) bersongkok hitam/berserban putih, dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.
- Perempuan : Berjubah (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

**Garis Panduan Pakaian Peguam Syarie
Dalam Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan
Mahkamah Rendah Syariah**

Garis panduan pakaian Peguam Syarie termasuklah Pegawai Undang-Undang dan Pegawai Syariah dari Jabatan Bantuan Guaman yang bertindak sebagai wakil mana-mana pihak iaitu:-

Lelaki: Berjubah khas (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) bersongkok hitam/berserban putih, dan berkot hitam, berkemeja putih, bertali leher gelap dan berseluar panjang hitam atau berbaju melayu hitam dan bersampin hitam serta berkasut hitam.

Perempuan : Berjubah (dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja) dan berkot hitam, berbaju kurung berwarna gelap/bercorak hitam putih atau berblaus putih dan berkain hitam dan bertudung putih/kelabu gelap tidak bercorak, berstokin serta berkasut hitam bertutup.

2. Semasa mengendalikan prosiding di mahkamah syariah, Peguam syarie dilarang memakai jubah mahkamah sivil atau apa-apa jubah selain jubah khas seperti contoh berikut;

Contoh Jubah Khas Peguam Syarie

